

Malaysia, Laos perluas kerjasama dua hala

PUTRAJAYA 17 Mac - Malaysia dan Laos telah melahirkan hasrat untuk memperluaskan kerjasama dalam latihan, pelaburan, perbankan, kewangan, pengangkutan, pelancongan, pendidikan dan pertahanan demi faedah bersama.

Perkara ini ditekankan dalam mesyuarat antara Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Anifah Aman dan rakan sejawatannya dari Laos, Saleumxay Kommasith di Wisma Putra di sini hari ini.

Menteri Luar Laos itu kini dalam lawatan ke Malaysia.

Anifah, dalam ucapan aluannya melahirkan keyakinan bahawa lawatan Kommasith akan membuahkan hasil dan meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala Malaysia-Laos.

Beliau berkata, lawatan Kommasith ke Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di Kuala Lumpur diharap membolehkan Laos mendapat pemahaman mengenai latihan diplomatik yang diadakan di institut berkenaan dan kursus yang berguna untuk peserta Laos.

Kommasith dalam ucapan pembukaannya, melahirkan terima kasih dan penghargaan atas usaha berterusan kerajaan dan rakyat Malaysia dalam pembangunan ekonomi dan sosial Laos.

"Kerjasama lima dekad antara Malaysia dan Laos adalah amat produktif dan membawa manfaat dan hasil yang nyata kepada kedua-dua negara," kata beliau.

Beliau juga berkata, Perdana Menteri Laos, Thongloun Sisou-



ANIFAH AMAN menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Laos, Saleumxay Kommasith di pejabatnya di Wisma Putra, Putrajaya semalam. - BERNAMA

lith menaruh harapan untuk melawat Malaysia pada Mei.

Wisma Putra, dalam satu kenyataan berkata, hubungan dua hala antara Malaysia dan Laos telah berkembang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan.

Pada 2016, jumlah perdagangan Malaysia dengan Laos mencatatkan peningkatan ke-

tara sebanyak 120 peratus iaitu USD30.96 juta (RM136.2 juta) berbanding USD14.03 juta (RM61.73 juta) pada 2015, kata kenyataan itu.

"Laos adalah rakan serantau yang penting bagi Malaysia, terutama selepas negara itu menjadi anggota ASEAN pada 1997," kata Wisma Putra. - BERNAMA